

PEMIMPIN

Kewajipan pemimpin atau penganjur ialah memimpin bukan dipimpin; ia wajib memerhatikan gerak geri rakyat dan pengikut-pengikutnya, menjaga maslahat mereka serta bersungguh-sungguh memperbaiki keadaan mereka dan jika mustahak ia mesti mengorbankan diri dan kesenangannya kerana faedah mereka itu – bukannya dengan kerana menjadi penganjur itu ia akan menggunakan nama-nama orang ramai itu bagi faedah dirinya supaya menjadi orang besar, mendapat pangkat besar dan bergaji besar.

Seseorang penganjur atau pemimpin tidak mesti sentiasa percaya kepada kenyataan-kenyataan yang disampaikan oleh kaki tangannya atau wakil-wakilnya dalam sesuatu masa ia mustahak dengan sendirinya memeriksanya keadaan dan hal ehwal orang-orang yang di bawah naungannya itu. Ada suatu contoh yang baik yang patut diperhati oleh mereka yang menjadi pemimpin:

Abdul Rahman bin Auf pernah berkata: “Pada suatu malam khalifah Umar Ibnu Al-Khatib telah memanggil saya seraya berkata – Malam ini telah tiba di pintu Kharita suatu kabilah, saya khuatir kalau mereka tertidur barang-barang mereka nanti dicuri orang. Dengan itu saya pun berangkat bersama-sama dengan al-khalifah dan setibanya kami di sana ia berkata lagi kepada saya – Tidurlah engkau. Khalifah sendiri berjaga semalam-malamnya itu sehingga pagi mengawal barang-barang kabilah itu.”

Sebenarnya sukar didapat payah dicari seorang penganjur seperti Khalifah Umar Al-Farouk itu. Ia dengan suka dan redha mengorbankan kesenangannya untuk keselamatan rakyatnya. Rakyat tidur lelap tetapi ia sendiri menyengking matanya sehingga pagi.

Barangsiapa hendak jadi penganjur atau pemimpin atau siapa yang dilantik menjadi pemimpin atau mengaku menjadi pemimpin hendaklah ia membaca atau memeriksa tawarikh Umar Ibnu Al-Khatib itu dan mengambil pengajaran-pengajaran daripadanya bagaimana caranya meletakkan dirinya di dalam masyarakat umum.

Kalau seseorang di dalam masa payahnya dan sempitnya lalu mengemukakan dirinya ke tengah-tengah rakyat dengan mengeluarkan perkataan-perkataan yang berapi-api untuk maslahat kaum sebangsanya dan dengan kerana itu ia telah dijulung-julang orang tetapi setakat itu tidak boleh dibilangkan ia seorang penganjur atau pemimpin bangsa itu kalau ia dengan percubaan sedikit sahaja telah belot, dengan diberi harta dan pangkat yang besar telah lupa daratan maka yang demikian itu boleh dikatakan pengkhianat kepada bangsa itu. Hukuman ini umum tetapi kalau dipandang pada kaca mata Islam lebih hebat lagi kerana Islam walau bagaimanapun tidak menentuakan atau menjadikan seorang itu pemimpin kalau tidak cukup syaratnya. Iaitu amanah, tetap perdirian dan ikhlas. Amanah itu tidak didapat kalau ia tidak menyampaikan amanah Allah – menunaikan perintah-perintah Allah; tetap perdirian itu tidak sempurna kalau ia tidak berperdirian mempercayai bahawa sesuatu itu di dalam kuasa Allah; dan ikhlas itu ialah kebersihan hatinya dengan tidak berharap kepada kelimpahan dan kebesaran melainkan berkorban kepada sesuatu yang membawa kebaikan kepada umatnya.

Hal ini lebih-lebih lagi kalau penganjur itu sifatnya peminum, mata keranjang (pantang nampak dahi licin), penjudi dan sebagainya kerana orang yang demikian itu menurut pandangan dari segi kaca mata Islam tidak boleh dipercayai dan tidak boleh diamanahkan sesuatu kerana sudah terang akan membawa binasa – Perhatilah kalau mahu jadi pemimpin atau penganjur!

Ahmad Zulfi

Apabila Allah menghendaki kebaikan bagi seseorang raja, nescaya ia adakan baginya seorang menteri yang lurus, jika raja lupa ia ingatkan, dan jika raja ingat ia bantu akan dia, tetapi jika Allah menghendaki sebaliknya, nescaya ia adakan baginya seorang menteri yang jahat. Jika raja lupa, ia tidak mengingatkan, dan jika raja ingat, tidak dibantu.

(Hadis syarif diriwayatkan oleh Al-Baihaqi)